

Presiden PAS fail permohonan ketepi penghakiman ingkar RM2 juta hari ini
Malaysian Insider
Feb 27, 2014
OLEH ZULKIFLI SULONG

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) akan memfailkan permohonan mengeneipkan penghakiman ingkar yang diputuskan ke atas beliau hari ini, kata peguamnya Asmuni Awi.

Asmuni yang dalam perjalanan ke Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu ketika dihubungi The Malaysian Insider berkata, tindakan memfailkan permohonan itu dilewatkan selepas pihaknya menemui lebih banyak fakta baru-baru ini.

Pada 23 Februari lalu, Abdul Hadi menerima penghakiman ingkar sebanyak RM2 juta selepas gagal memfailkan pembelaan berikutan saman yang dikenakan oleh bekas calon PKR bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Terengganu, Mohd Shamsul Mat Amin.

Asmuni yang dilantik Abdul Hadi sebagai peguamnya berkata beliau akan memfailkan permohonan untuk mengeneipkan penghakiman itu keesokannya harinya iaitu pada 24 Februari.

"Namun apabila saya ke Kuala Terengganu, lebih banyak fakta kes ini saya temui. Jadi pada hari itu saya hanya menyelesaikan penyemakan fail mahkamah sahaja.

"Jadi hari ini, saya akan failkan," katanya.

Kes penghakiman ingkar Abdul Hadi menimbulkan hubungan kurang baik di kalangan ahli PAS bahkan juga antara PAS dan PKR.

Di kalangan ahli PAS, mereka saling tuduh menuduh antara satu sama lain. Penerima fitnah paling berat adalah Lajnah Undang-undang dan Hak Asasi Manusia (Luham) PAS yang sebelum ini diketuai Asmuni.

Asmuni dituduh gagal menjalankan tanggungjawabnya bahkan ada yang mendakwa beliau cuba mensabotaj presiden PAS.

Kumpulan yang sama juga menuduh dan menyerang PKR kerana membiarkan ahli mereka menghina presiden melalui saman ini.

Ketua Penerangan PAS, Datuk Mahfuz Omar terpaksa menyeru seluruh ahli PAS agar bertenang dalam menghadapi kekecohan ini.

"Kita sudah mengarahkan pasukan peguam untuk mengambil proses perundangan sewajarnya, dan kita yakin peguam kita dapat kendalikan kes ini secara terbaik.

"Seluruh ahli PAS diminta bersabar dan banyakkun munajat agar dipermudahkan urusan peguam dan presiden kita dilindungi olah Allah," kata Mahfuz kepada media rasmi PAS, Harakahdaily.

Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga terpaksa campur tangan apabila memberitahu pihaknya akan cuba menyelesaikan perkara ini dengan baik.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil pula berkata, Shamsul yang juga Ketua Angkatan Muda PKR Dungun berdegil meneruskan saman terhadap Abdul Hadi walaupun beliau dinasihati untuk tidak berbuat demikian.

"Pimpinan PKR mengambil pendirian sebelum ini bahawa kes saman berkenaan tidak perlu diteruskan.

"Namun Shamsul bertegas beliau perlu membersihkan nama dan maruahnya akibat dakwaan yang dibuat sewaktu Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13)," katanya dalam satu kenyataan.

Hari ini, Pengarah Jabatan Undang-undang dan hak asasi manusia (Juham) Dewan Pemuda PAS pula terpaksa membuat penjelasan panjang lebar mengenainya.

"Sejak meletusnya isu penghakiman ingkar kehadiran yang dimasukkan ke atas presiden PAS yang dikasihi beberapa hari lalu, Juham ingin melahirkan rasa kehairanan apabila secara tiba-tiba muncul begitu ramai 'peguam', 'pendakwaraya' dan juga 'hakim' di kalangan ahli dan pemimpin PAS.

"Lebih membimbangkan, wujud satu fenomena 'menjatuhkan hukuman' kepada para peguam PAS terutamanya Tuan Haji Asmuni Awi kerana kononnya peguam telah cuai, leka, tidak kompeten bahkan sampai ke tahap peguam dituduh mensabotaj presiden PAS hingga penghakiman ingkar tersebut dimasukkan," kata Pengarah Juham, Noorazmir Zakaria.

Beliau mempertahankan, Asmuni dan presiden PAS tidak salah dalam hal ini dan yakin permohonan mengeneipkan perintah penghakiman ingkar ini akan berjaya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: